

Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/2003



PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Office of the Director General of Education Malaysia
PARAS 7 BLOK J PUSAT BANDAR DAMANSARA
Level 7 Blok J Damansara Town Centre
50604 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20983120
Fax : 03-20935150

KP(BS)8591/Jld.XVIII/(2)
28Julai 2003

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 2/2003 :
Pindaan Pelaksanaan Borang Penentuan Kelayakan
Skim Pinjaman Buku Teks SPBT1 Kementerian Pendidikan

Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/2003 ini dikeluarkan dengan tujuan untuk memaklumkan pindaan pelaksanaan Borang Penentuan Kelayakan Skim Pinjaman Buku Teks (Borang SPBT1).

2. Kementerian Pendidikan Malaysia mendapati bahawa amalan mengisi borang permohonan Skim Pinjaman Buku Teks (Borang SPBT1) pada setiap tahun untuk setiap murid di sekolah-sekolah adalah membebankan guru-guru serta ibu bapa atau penjaga.
3. Dengan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kekerapan mengisi Borang SPBT1 telah dikurangkan kepada **dua kali untuk sekolah rendah dan dua kali untuk sekolah menengah**. Disebabkan jangka masa guna pakai borang SPBT1 ini telah bertambah, maka pihak sekolah hendaklah memastikan **butir-butir yang diberi adalah sahih dan setiap prosedur** yang telah ditetapkan untuk penentuan kelayakan Skim Pinjaman Buku Teks adalah **dipatuhi**. Sekolah juga adalah diingatkan supaya mengikuti sepenuhnya Dasar Kelayakan Skim Pinjaman Buku Teks semasa.
4. Surat Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai tahun 2003. Dengan itu, murid-murid yang memasuki **Tahun Satu, Tahun Empat, Kelas Peralihan/Tingkatan Satu dan Tingkatan Empat pada tahun 2004 perlu mengisi Borang SPBT1 yang baru** manakala lain-lain murid di sekolah rendah dan menengah tidak perlu mengisi semula Borang SPBT1 sehingga tamat tempoh guna pakai Borang SPBT1 yang telah diisi sebelum ini.
4. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua sekolah di negeri Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan.

Sekian, Terima Kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

A handwritten signature in black ink, appearing to read "abdul rafie".

DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. Y.B Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B Dato' Abdul Aziz bin Shamsudin
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 3. Y.B Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 4. Y.B Dato' Mahadzir bin Mohd Khir
Setiausaha Parlimen, Kementerian Pendidikan
 5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan
 6. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan
 7. Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan
 8. Ketua-ketua Bahagian Kementerian Pendidikan
 9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah Kementerian Pendidikan
 10. Penasihat undang-Undang Kementerian Pendidikan
 11. Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Pendidikan